**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **The Star** | |
| - Most stray dogs caught in Selangor are from Klang | 04 |
| **Utusan Malaysia** | |
| - Lebuhraya SUKE atasi kesesakan MRR2 | 26 |
| - PBT BATAL LESEN | Muka Hadapan & 05 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | Most stray dogs caught in Selangor are from Klang |
| Muka Surat | 04 |

TS 16/11/17 MS 04

# Most stray dogs caught in Selangor are from Klang

A TOTAL of 19,498 stray dogs were caught by the local authorities this year in curbing the spread of rabies.

Local Government, New Village Development and Legalising of Factories Committee chairman Ean Yong Hian Wah said Klang Municipal Council had the highest number with 9,310 dogs followed by Kajang Municipal Council (2,030), Selayang Municipal Council (1,712), Shah Alam City Council (1,538), Subang Jaya Municipal Council (1,363), Ampang Jaya Municipal Council (883), Sepang Municipal Council (753), Petaling Jaya City Council (533), Kuala Selangor District Council (440), Hulu Selangor District Council (430), Kuala Langat District Council (360) and Sabak Bernam District Council (146).

He said the local authorities would carry out the operation to catch strays upon receiving complaints from the public.

"The measures we have taken include issuing licence to owners for their dogs, appointing a qualified contractor to catch the dogs, forming a research team while identifying hotspots, distributing flyers to educate people on how to be a responsible owner and disseminating information on dog adoption and neuter programmes," said Ean Yong.

In 2015, the state government gave a RM32,000 grant to Ipoh Veterinary Research Institute to carry out research on stray dogs in local authorities that had rabies.

"Until today, we have not received any notification from the Selangor Veterinary Department on the spread of rabies in the state," Ean Yong said at the state assembly, to a question by Yaakob Sapari (PKR-Kota Anggerik) on what the state was doing to prevent stray dogs and stopping the spread of rabbies. Yaakob also wanted to know the number of strays caught by the local authorities.

Meanwhile, Dr Halimah Ali (PAS-Selat Kelang) proposed that Selangor set up a tracking device for strays, to which Ean Yong said he would study the proposal.

The state assembly was also informed that there was a tenfold increase in the number of dialysis patients visiting the People's Dialysis Centres (PDC) since 2010.

The state had spent almost RM3.8mil since 2010 where 1,412 patients were treated from 2010 to 2016.

State Health, Welfare, Women and Family Affairs Committee chairman Dr Daroyah Alwi said in 2010, 64 patients visited the centres followed by increases in 2011 (79), 2012 (115), 2013 (146), 2014 (111), 2015 (299) and 2016 (598).

She said this year, it was estimated that the centres would receive nearly 1,000 patients and the state had allocated RM5mil annually for dialysis treatment.

"From Jan 1 to Oct 31 this year, about RM3.57mil has been approved for 639 patients to undergo dialysis treatment.

"Since 2014, five new centres were set up in Ampang, Taman Medan (Petaling Jaya), Sementa (Klang) and Taman Sri Muda (Shah Alam)," she said.

"In 2015, the state continued under the Sihat Selangor Dialysis Panel programme where 72 centres were involved in giving treatment to dialysis patients," Dr Daroyah said in reply to a question from Dr Abdul Rani Osman (PAS-Meru).

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Lebuhraya SUKE atasi kesesakan MRR2 |
| Muka Surat | 26 |



KHAMIS • 16.11.2017
kota@utusangroup.com.my
UTUSAN KOTA
Unit Berita Kota
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my
LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA



KERJA-KERJA pembinaan di tapak Plaza Tol Alam Damai Lebuhraya Suke.

ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi kiosk informasi bergerak Prolintas di kawasan penempatan mereka sekitar Lembah Klang.

KERJA-KERJA pembinaan Lebuhraya Suke giat dijalankan di Lebuhraya MRR2 di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

Dijangka siap menjelang 2020, jimat masa perjalanan

# Lebuhraya SUKE atasi kesesakan MRR2

## REAKSI

**LEBUHRAYA SUKE ATASI KESESAKAN**

KESESAKAN lalu lintas merupakan isu yang mengganggu kelancaran dan keselesaan masyarakat dalam urusan harian. Pembinaan Lebuhraya SUKE sekurang-kurangnya dapat membantu mengatasi masalah itu."

**HAMZI ANHAR**
Pelajar



"WAKTU kesesakan di MRR2 tidak mengira waktu. Ini terutamanya di Bandar Tasik Selatan, Desa Tun Razak dan Hotel Flamingo di Ampang. Keadaan lebih parah terutama ketika cuaca hujan."

**WAN ARIF WAN IBRAHIM**
Pekerja swasta



"FAKTOR jumlah kenderaan tinggi menyebabkan jalan raya di Lembah Klang sesak teruk. Pembinaan Lebuhraya SUKE sangat-sangat dinanti orang ramai bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi setiap hari."

**MOHAMAD IBRAHIM ADHAM MOHAMAD TAIB**
Pekerja swasta

## ISU RAKYAT

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 NOV.**

PROJEK Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) yang dijangka siap dan dibuka pada Januari 2020 bakal memberi manfaat kepada kira-kira 176,568 pengguna kenderaan setiap hari.

Pengurus Besar SUKE, Faizal Othman berkata, sambungan lebuh raya bertingkat tersebut bukan sahaja memendekkan jarak perjalanan, tetapi turut dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas kritikal di Lembah Klang, terutama di Lebuh Raya Lingkaran Tengah Dua (MRR2).

Menurutnya, selain MRR2, Lebuhraya SUKE turut menghubungkan beberapa lebuh raya lain antaranya Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (Duke), Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (Akleh), Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) dan Lebuhraya Cheras-Kajang.

Turut terlibat Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuh Raya Shah Alam (Kesas) yang dilihat sebagai satu jaringan perhubungan serba lengkap.

"Pada ketika ini projek berkenaan telah mencapai tahap kemajuan pembinaan sebanyak 11 peratus dan berjalan mengikut jadual.

"Ia melibatkan kerja-kerja tanah dan menanam cerucuk sejak 29 Ogos tahun lalu.

"Pembinaan sambungan lebuh raya sepanjang 24.4 kilometer ini menelan belanja kira-kira 5.2 billion.

"Selain menyuraikan trafik, lebuh raya ini dapat menjimatkan petrol dan memendekkan jarak perjalanan pengguna contohnya daripada 75 minit kepada 25 minit," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Menerangkan lebih lanjut, Faizal berkata, Lebuhraya SUKE mempunyai 14 persimpangan bermula di Sri Petaling dan berakhir di Bukit Antarabangsa.

Menurutnya, jajaran turut melibatkan Sungai Besi, Alam Damai, Cheras-Kajang, Cheras Hartamas, Bukit Teratai, Tasik Tambahan, Permai, Kosas, pekan Ampang, pusat beli-belah Ampang Point, Hulu Kelang dan Taman Hillview.

"Persimpangan di Alam Damai, Cheras akan menjadi laluan dua tingkat berikutan faktor kawasan padat dan mempunyai sebuah plaza tol setinggi 40 meter iaitu yang pertama di Malaysia.

"Sebaik tiba di Taman Len Seng dan Lebuhraya Cheras-Kajang pengguna akan melalui laluan setingkat semula merentasi MRR2," katanya.

Katanya, selaku syarikat konsesi, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan projek itu berjalan lancar. Tambahnya, Prolintas turut melancarkan kempen *#contactlahkami* yang menawarkan pelbagai saluran komunikasi bagi penduduk untuk mendapatkan maklumat berkenaan lebuh raya terbabit.

Beliau berkata, sempena pembukaan lebuh raya itu juga, pengguna akan dikecua-likan daripada bayaran tol selama sebulan.

"Terima kasih kepada kerajaan dan orang ramai yang menyokong penuh projek ini demi manfaat dan keselesaan pada masa hadapan," katanya.






FAIZAL OTHMAN

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | PBT BATAL LESEN |
| Muka Surat | Muka Hadapan & 05 |

# PBT BATAL LESEN

## Hotel larang wanita Islam bertudung semasa bekerja

› Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah tarik balik lesen pengusaha hotel larang wanita Islam bertudung semasa bekerja.

› Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, tindakan tegas itu perlu kerana dasar tersebut bertentangan dengan perlembagaan.

› MTUC minta sektor perhotelan jangan letak syarat melampau.

› Pakar perundangan, Datuk Salleh Buang berkata, pemilik hotel laksana larangan itu jelas langgar Akta Pekerja.

› Persatuan Pemilik-pemilik Hotel Malaysia pula dakwa, peraturan pakaian seragam hotel tidak pernah menggariskan perkataan tudung sebaliknya hanya menyatakan pakaian seragam sesuai.

"Saya minta PBT siasat perkara ini dan jika terbukti benar ia dasar hotel tersebut, tarik balik lesen. Tidak sepatutnya mereka beroperasi di negara kita."



**TAN SRI NOH OMAR**
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

BERITA PENUH DI MUKA 5

# Tarik lesen hotel jika larang pekerja bertudung

**IPOH 15 Nov.** – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diarah menarik balik lesen mana-mana hotel di negara ini yang didapati melarang wanita Islam bertudung bekerja di bahagian khidmat pelanggan hotel berkenaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, tindakan tegas itu perlu kerana dasar tersebut jelas bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kebebasan beragama kepada semua rakyat.

Malah katanya, selaku hotel antarabangsa, sepatutnya pihak pengurusan hotel lebih rasional dalam isu hak asasi manusia seperti yang sering diperjuangkan di peringkat antarabangsa.

"Perkara ini melibatkan PBT kerana mereka yang keluarkan lesen operasi. Jadi saya minta PBT siasat perkara itu dan jika terbukti benar ia dasar hotel tersebut, tarik balik lesen mereka.

"Tidak sepatutnya mereka boleh beroperasi di negara kita," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat dua anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dari Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, Shazlan Mohd. Hanafiah, 32, dan Mohd. Azri Aziz, 30, yang melecur di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini hari ini.

Dua anggota bomba berkenaan melecur akibat disambar api ketika menjalankan operasi memadam kebakaran silo di sebuah kilang membuat papan lapis di Kawasan Perindustrian IGB Tasek dekat sini Sabtu lalu.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim dan Pengarah JBPM negeri, Datuk Yahya Madis.

Noh mengulas laporan berhubung pendedahan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (Uni-MLC) mengenai aduan kakitangan hotel kepada pusat itu berkaitan diskriminasi terhadap pekerja wanita Islam yang diarah menanggalkan tudung.

Persatuan Hotel Malaysia (MAH) juga mempertahankan tindakan hotel berkenaan melarang wanita Islam bertudung bekerja di bahagian khidmat pelanggan sebagai sebahagian dasar dan prosedur operasi standard (SOP) antarabangsa.

Sementara itu, mengulas mengenai keadaan anggota bomba yang cedera tersebut, Noh memberitahu, Shazlan yang melecur 10 peratus kini semakin pulih dan boleh bercakap manakala Mohd. Azri akan dibenarkan pulang ke rumah hari ini.

Tambah beliau, kejadian yang berlaku pada kira-kira pukul 7.30 pagi, Sabtu lalu itu di luar jangkaan walaupun anggota bomba berkenaan dilengkapi dengan peralatan keselamatan dan latihan semasa memadam api.

"Semua ini di luar dugaan. Tahniah atas keberanian mereka dan meletakkan tanggungjawab menyelamatkan mangsa lebih penting daripada diri sendiri," katanya.

Selain dua anggota tersebut, Noh turut melawat seorang lagi anggota bomba, Mohamad Azizi Rosli di Hospital Changkat Melintang, Parit yang cedera akibat terkena kejutan elektrik semasa memadamkan kebakaran rumah di Lambor Kanan, malam tadi.